



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
Department of Social Welfare
Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8323 1656/1658
Faks(Fax): 603-8323 2045
Laman Web: www.jkm.gov.my
(Website)

Ruj Kami: JKM/100/03/1/Jld.6(4)

Tarikh: 19 Mei 2021

Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah
Pengarah Kebajikan Masyarakat W.P. Kuala Lumpur dan Labuan

PEKELILING
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
BILANGAN 4 TAHUN 2021

GARIS PANDUAN LIBAT URUS WARGA JKM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri berkaitan Garis Panduan Libat Urus Warga JKM yang perlu dilaksanakan di peringkat JKM Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Strategik 2021 – 2025 JKM telah menetapkan bahawa pelaksanaan libat urus warga JKM dilaksanakan di peringkat JKM Negeri dengan penyertaan semua pegawai dan kakitangan serta pegawai kader

di negeri berkenaan. Program ini akan bermula pada bulan Jun 2021 sehingga bulan Disember 2025 mengikut jadual dan carta perbatuan yang ditetapkan pada setiap tahun.

3. Libat urus merupakan salah satu mekanisma penyaluran komunikasi dua hala pegawai dan kakitangan di semua peringkat pentadbiran. Selain itu dapat meningkatkan kefahaman kepada warga JKM berkaitan perkhidmatan sedia ada serta melancarkan pelaksanaan pelbagai dasar dan pelan tindakan Jabatan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

PEMAKAIAN

4. Pekeliling ini terpakai kepada semua peringkat pentadbiran JKM di negeri.


TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 30 April 2021.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(FATIMAH ZURAIDAH BINTI SALLEH)
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Lampiran Kepada Pekeliling Bilangan 4 Tahun 2021
Ruj Kami: Ruj Kami: JKM/100/03/1/Jld.6(4)
Tarikh: 30 April 2021

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



GARIS PANDUAN LIBAT URUS WARGA JKM



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PEKELILING
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
BILANGAN 4 TAHUN 2021**

GARIS PANDUAN LIBAT URUS WARGA JKM

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Tarikh Berkuat Kuasa: 30 April 2021

A. Tujuan:

Garis Panduan Libat Urus Warga JKM bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan libat urus yang dilaksanakan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan melibatkan semua pegawai dan kakitangan di peringkat pengurusan tertinggi, negeri, daerah dan institusi serta pegawai JKM yang bertugas (Jawatan Kader) di lain-lain agensi kerajaan dalam negeri berkenaan.

B. Skop:

Garis panduan ini terpakai kepada semua Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan serta Jabatan Perkhidmatan Am Sabah (JPKA).

C. Latar Belakang:

1. Pelan Strategik JKM 2021 – 2025 telah menetapkan bahawa pelaksanaan libat urus warga JKM dilaksanakan di peringkat JKM Negeri dengan melibatkan penyertaan semua pegawai dan kakitangan serta pegawai kader di negeri berkenaan. Program ini akan bermula pada bulan Jun 2021 sehingga bulan Disember 2025 mengikut jadual dan carta perbatuan yang ditetapkan pada setiap tahun.
2. Libat urus adalah penting kepada Jabatan dan warga JKM kerana ianya merupakan platform penyaluran komunikasi dua hala dalam kalangan pegawai dan kakitangan di semua peringkat pentadbiran. Ianya juga akan meningkatkan kefahaman kepada warga JKM berkaitan perkhidmatan sedia ada serta melancarkan pelaksanaan pelbagai dasar dan pelan tindakan Jabatan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Tarikh Berkuat Kuasa: 30 April 2021

3. Aktiviti melalui perjumpaan dan perbincangan dengan warga JKM adalah penting kepada Jabatan bagi memastikan setiap pegawai dan kakitangan JKM sentiasa mendapat input terkini berkaitan perkhidmatan Jabatan. disamping dapat memastikan warga JKM peka dan sensitif dengan isu-isu terkini, cabaran dan perkembangan Jabatan dari semasa ke semasa. Selain itu, program ini dapat mengeratkan hubungan antara semua warga JKM walau di mana mereka berada.

D. Objektif:

Objektif Libat Urus Warga Kerja JKM adalah seperti berikut:

1. Memberi ruang kepada Pengurusan Tertinggi JKM bertemu dengan pelbagai lapisan pegawai dan kakitangan di peringkat negeri, daerah dan institusi;
2. mendapat input secara langsung daripada warga JKM berkaitan isu dan cabaran perkhidmatan serta kebajikan kakitangan;
3. meningkatkan pengalaman dan pengetahuan dalam sesi perkongsian pengetahuan dan mencari resolusi bagi permasalahan yang timbul melalui praktis dan pengalaman yang sesuai;
4. menyampaikan hasrat dan dasar kepada warga JKM mengenai senario semasa agar mereka mempunyai maklumat yang jelas; dan
5. memberi peluang kepada warga JKM mewujudkan rangkaian sosial dan hubungan kerja yang ampuh.

Tarikh Berkuat Kuasa: 30 April 2021

E. Punca Kuasa:

1. Pelaksanaan program adalah selaras dengan Bahagian 1 Perkara 1.2 (f) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007, Panduan Pengurusan Pejabat yang menyatakan bahawa: Ketua Jabatan hendaklah mentadbir Jabatan dengan cekap dan berkesan serta memberikan tumpuan dan keutamaan kepada kakitangan Jabatan.
2. Program disenaraikan dalam Pelan Strategik 2021-2025 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

F. Mekanisma Pelaksanaan:

Kaedah pelaksanaan program melibatkan penyertaan pelbagai latar belakang perjawatan di negeri, daerah dan institusi serta pegawai di peringkat Ibu Pejabat JKM Negeri dan Pengurusan Tertinggi JKM. Kategori peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut:

1. Peringkat Negeri

Pelaksanaan program peringkat negeri melibatkan kakitangan dan pegawai di Ibu Pejabat JKM Negeri/ PKMD/J/B serta Institusi JKM termasuklah pegawai kader di beberapa agensi kerajaan peringkat negeri berkenaan.

2. Peringkat Pengurusan Tertinggi

Pelaksanaan program libat urus di peringkat Pengurusan Tertinggi JKM melibatkan kakitangan dan pegawai di Ibu Pejabat JKM Negeri/ PKMD/J/B serta Institusi JKM termasuklah pegawai kader di beberapa agensi kerajaan peringkat negeri berkenaan. Kehadiran juga melibatkan pegawai di peringkat Ibu Pejabat JKM iaitu Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik dan Operasi) dan

Tarikh Berkuat Kuasa: 30 April 2021

semua Pengarah Bahagian untuk bersama-sama dalam sesi libat urus yang dilaksanakan dalam negeri berkenaan.

3. **Pengisian Program**

3.1 Perkongsian Ilmu / Pengalaman

Sesi perkongsian ilmu atau pengalaman yang disampaikan oleh tetamu jemputan atau dalam kalangan pegawai dan kakitangan JKM yang berpengalaman dalam bidang tugas tertentu.

3.2 Sesi Dialog dan Soal Jawab

Sesi dialog diadakan bersama pegawai di peringkat Pengurusan Tertinggi JKM Negeri atau Pengurusan Tertinggi Ibu Pejabat JKM. Moderator sesi dialog juga akan dipilih dalam kalangan warga JKM sebagai pemudah cara. Antara isu-isu yang akan dibincangkan adalah mengikut kesesuaian dan senario semasa seperti perjawatan, peluang kenaikan pangkat, LNPT, perubahan perkhidmatan seiring dengan keadaan semasa, transformasi kerajaan dan idea serta pengalaman semasa berkhidmat di Jabatan untuk dijadikan contoh dan amalan sebagai praktis terbaik dalam kerjaya (*best practise*).

3.3 Cadangan Tentatif Program

- Pendaftaran Peserta
- Slot Khas / Ceramah / Perkongsian Ilmu
- Rehat
- Sesi dialog dan perjumpaan warga JKM bersama Pengurusan Tertinggi JKM Negeri (Peringkat Negeri) /

Tarikh Berkuat Kuasa: 30 April 2021

Pengurusan Tertinggi Ibu Pejabat JKM (Peringkat
Pengurusan Tertinggi)

- Tamat

4. **Kekerapan**

Merujuk kepada carta perbatuan berdasarkan kepada Pelan Strategik 2021-2025 JKM, jumlah pelaksanaan libat urus yang perlu diselesaikan oleh setiap JKM Negeri adalah sebanyak dua (2) kali pada setiap tahun.

5. **Laporan**

Laporan program hendaklah direkodkan dalam Minit Perbincangan Libat Urus dan dikemukakan kepada Bahagian Kawalan Standard, Ibu Pejabat JKM dalam tempoh dua (2) minggu selepas program dilaksanakan. Laporan akhir pada setiap tahun yang merangkumi semua sesi libat urus di peringkat negeri akan disediakan oleh Bahagian Kawalan Standard JKM.

G. Penutup:

Program Libat Urus Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan salah satu medium yang penting dalam merealisasikan kepentingan organisasi dan kesejahteraan kumpulan sasar melalui implementasi strategi ke-3 iaitu Pemantapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Dalam Kalangan Penjawat Awam, terutama warga kerja JKM dan saranan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 tahun 2007 iaitu Mewujud dan Memperkukuhkan Mekanisme Kerjasama antara Sektor Awam.


Tajuk Dokumen: Garis Panduan Libat Urus Warga JKM
No. Dokumen: JKM/100/03/1/Jld.6(4)
No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat Kuasa: 30 April 2021


Nota Pindaan: 0



Disediakan oleh: Puan Hezleen binti Hassan
Pengarah Bahagian Kawalan Standard



Disemak oleh: Puan Rosmahwati binti Ishak
Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)



Diluluskan oleh: Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
p.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat